



11 November 2015
11 November 2015
P.U. (A) 266

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH PERBADANAN RRIM-CONSULT CORPORATION (PENGGULUNGAN DAN PEMBUBARAN) 2015

RRIM-CONSULT CORPORATION (WINDING UP AND DISSOLUTION) ORDER 2015



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA LEMBAGA GETAH MALAYSIA (PERBADANAN) 1996

PERINTAH PERBADANAN RRIM-CONSULT CORPORATION
(PENGGULUNGAN DAN PEMBUBARAN) 2015

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 6 Jadual Kedua Akta Lembaga Getah Malaysia (Perbadanan) 1996 [*Akta 551*], Lembaga, dengan kelulusan Menteri, membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Perbadanan RRIM-Consult Corporation (Penggulungan dan Pembubaran) 2015**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 15 November 2015.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini—

“Perbadanan” ertinya Perbadanan RRIM-Consult Corporation.

Penggulungan dan pembubaran Perbadanan

3. Perbadanan yang ditubuhkan di bawah Perintah Lembaga Getah Malaysia (Penubuhan Perbadanan) (RRIM-Consult Corporation) 2001 [*P.U. (A) 390/2001*] adalah digulungkan dan dibubarkan.

Pemindahan kuasa, hak, dsb.

4. Semua kuasa, hak, keistimewaan, kewajipan, liabiliti dan obligasi yang sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Perintah ini ada pada Perbadanan hendaklah dipindahkan kepada Lembaga mulai tarikh itu.

Pemindahan harta

5. Mana-mana harta alih dan harta tak alih yang sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Perintah ini terletak hak pada Perbadanan atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya hendaklah, pada tarikh itu, terletak hak pada Lembaga.

Pemindahan wang

6. Semua wang yang ada pada atau kena dibayar kepada dana Perbadanan hendaklah, pada permulaan kuat kuasa Perintah ini, dipindahkan kepada dan terletak hak pada Lembaga.

Kontrak sedia ada

7. Semua surat ikatan, bon, perjanjian, surat cara dan perkiraan kerja yang wujud sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Perintah ini dan menyentuh mana-mana harta yang dipindahmilikkan di bawah Perintah 5 hendaklah tidak terjejas oleh Perintah ini dan hendaklah diteruskan seolah-olah Lembaga telah dinamakan dalamnya atau menjadi pihak kepadanya.

Penerusan prosiding sivil

8. (1) Apa-apa prosiding sivil atau apa-apa kausa tindakan yang belum selesai atau wujud sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Perintah ini, oleh atau terhadap Perbadanan, boleh, pada atau selepas permulaan kuat kuasa Perintah ini, diteruskan atau dimulakan oleh atau terhadap Lembaga sebagaimana yang ia mungkin telah diambil oleh atau terhadap Perbadanan jika Perintah ini tidak dibuat.

(2) Apa-apa rayuan yang dibawa oleh atau apa-apa kebenaran untuk merayu yang dipohon pada atau selepas permulaan kuat kuasa Perintah ini terhadap sesuatu keputusan yang diberikan sebaik sebelum permulaan kuat kuasa Perintah ini dalam mana-mana prosiding undang-undang yang Perbadanan menjadi suatu pihak kepadanya boleh dibawa oleh atau terhadap Lembaga.